

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 13 JULAI 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
PAUTAN : <https://www.sinarharian.com.my/article/267947/berita/nasional/kerajaan-kenal-pasti-syarikat-asing-untuk-projek-ternakan-lembu>

### **Kerajaan kenal pasti syarikat asing untuk projek ternakan lembu**



Rafizi - Foto Bernama

PUTRAJAYA - Kerajaan telah mengenal pasti sebuah syarikat asing untuk dipadankan bagi membangunkan projek rintis ladang penternakan lembu di Negeri Sembilan bersaiz mega.

Menerusi rakaman di pentas Jelajah Madani yang dimuat naik di Twitter, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, projek berkenaan akan dijalankan secara profesional dan moden.

"Saya tahu Malaysia ini apabila kita cerita pasal lembu orang takut sebab projek sebelum ini, lembu mati," katanya.

Beliau berkata, dalam projek rintis itu pihaknya menasarkan 1,000 ekor lembu dapat diternak di ladang-ladang berkenaan.

Rafizi berkata, negara mengimport 80 peratus daging lembu setahun melibatkan harga RM30 hingga RM40 sekilogram, manakala daging lembu mentah yang segar pula boleh mencecah sehingga lebih RM50 sekilogram.

Katanya, jika projek rintis itu berjaya, kerajaan bercadang memperluaskannya ke negeri-negeri lain bagi memenuhi keperluan bekalan daging negara.

"Saya harap orang Nogori menyahut cabaran ini. Kita mulakan di Negeri Sembilan untuk buktikan rakyat Malaysia boleh mengusahakan ladang ternakan lembu secara besar-besaran dan boleh dijual pada harga murah," katanya.